



**Ucapan Perasmian TKSU(RK)
Majlis Pelancaran Property Development Handbook
(Edisi Kedua)**

Tarikh : 27 Jun 2026 (Sabtu)
Masa : 9.00 – 10.00 pagi
****Ketibaan Tetamu Kehormat 9.30 pagi***
Tempat : Wisma REHDA Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

- Yang Berbahagia Dato' Jeffrey Ng Tiong Lip Pengerusi REHDA Institute
- Yang Berbahagia Datuk Ir Ho Hon Sang, Presiden REHDA Malaysia
- Yang Berbahagia Datuk Zaini Yusoff, Timbalan Presiden REHDA Malaysia
- Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut REHDA
- Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Ahli-ahli Majlis Kebangsaan REHDA yang dihormati

Tuan-tuan, Puan-puan dan Hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis pada hari ini iaitu Majlis Pelancaran *Property Development Handbook* yang diterbitkan oleh pihak REHDA Institute.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur atas jemputan untuk bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna ini. Titipan salam penuh hormat juga dipanjangkan daripada Yang Berbahagia Datuk Wira Dr. M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang tidak dapat bersama-sama pada hari ini. Beliau menzahirkan sokongan penuh terhadap penerbitan naskhah komprehensif ini sebagai salah satu instrumen penting yang menjadi panduan kepada pembangunan sektor hartanah negara. Penghargaan juga dirakamkan kepada REHDA dan REHDA Institute atas komitmen berterusan sebagai rakan strategik KPKT dalam memperkukuh ekosistem perumahan dan hartanah negara melalui penyediaan input, perkongsian kepakaran, penyelidikan serta penerbitan rujukan yang berkualiti demi manfaat industri dan kesejahteraan rakyat.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa melihat REHDA Institute sebagai sebuah badan pemikir strategik serantau (*regional strategic think tank*) dan enterpris sosial yang sangat proaktif. Peranan institut ini dalam memajukan industri hartanah tempatan menerusi penyelidikan yang mendalam, program latihan berterusan, serta pemerkasaan pendidikan amatlah dihargai. Malah, komitmen REHDA Institute dalam menjalinkan hubungan dengan badan pemikir antarabangsa sentiasa memperkaya industri kita dengan perspektif global serta amalan terbaik (*best practices*) dunia.

4. Sebagaimana yang kita maklum, sektor pembangunan hartanah kekal menjadi antara enjin utama pertumbuhan ekonomi dan pembinaan negara (*nation-building*). Di bawah gagasan besar **Malaysia MADANI**, kerajaan menegaskan bahawa pertumbuhan ini tidak seharusnya diukur daripada angka-angka keuntungan material semata-mata. Sebaliknya, ia wajib diimbangi dengan piawaian akauntabiliti yang ketat.

5. Setiap rantai nilai dalam sektor ini perlu menghasilkan impak yang bukan sahaja berdaya maju secara ekonomi (*economically viable*), tetapi juga berlandaskan nilai etika yang

kukuh, mampan, inklusif, serta benar-benar responsif terhadap keperluan mutlak rakyat. Matlamat akhir kita bukanlah sekadar membina bangunan, tetapi mendirikan komuniti dan persekitaran kehidupan yang bermaruah serta kondusif bagi setiap keluarga Malaysia.

Hadirin sekalian,

6. Dalam konteks ini, KPKT komited sepenuhnya untuk terus memantapkan ekosistem perumahan negara melalui penambahbaikan tadbir urus (*improved governance*), peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, serta jalinan kerjasama yang erat dengan para pemegang taruh industri. Pendekatan perkongsian pintar bertumpukan rakyat melalui kolaborasi awam-swasta (*people-public-private partnerships - 4P*) akan terus dipacu bagi menyokong pembangunan bandar yang lestari.

7. KPKT akan terus memberikan sokongan penuh terhadap kecekapan pemaju dan kelancaran industri. Namun fokus utama Kementerian ialah **memelihara hak pembeli rumah**. Impian rakyat untuk memiliki kediaman sendiri sama sekali tidak boleh dikompromi oleh amalan-amalan sub-piawai (*substandard practices*) ataupun isu kelewatan projek.

8. Kementerian sentiasa meletakkan keutamaan yang tinggi kepada aspek penyampaian projek yang menepati masa, penawaran harga yang berpatutan (*affordability*), serta jaminan kualiti pembinaan yang tinggi. Kita mahu memastikan bahawa jurang risiko dikurangkan dan cabaran-cabaran kritikal industri seperti kelewatan projek serta isu projek terbengkalai dapat ditangani secara proaktif melalui pengukuhan kawal selia undang-undang dan perlindungan kewangan yang lebih mantap. Usaha murni meminimumkan impak projek bermasalah ini merupakan manifestasi langsung kepada nilai MADANI yang mendasari kebertanggungjawaban bersama, ketelusan dan tadbir urus yang baik.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

9. Atas dasar itulah, penerbitan *Property Development Handbook* oleh REHDA Institute ini dilihat tepat pada masanya (*timely*) dan sangat relevan. Buku panduan ini bertindak sebagai satu rujukan praktikal dan berstruktur yang membentangkan kejelasan mengenai prosedur kerja, syarat-syarat pematuhan, serta amalan terbaik merentasi seluruh kitaran hayat pembangunan (*development lifecycle*).

10. Dengan adanya kejelasan dan kefahaman yang mendalam mengenai landskap kawal selia (*regulatory landscape*) ini,

semua pemegang taruh sama ada pemaju, perunding, mahupun agensi kerajaan, dapat bergerak seiringan demi mengurangkan risiko teknikal di tapak bina, sekali gus meningkatkan tahap pematuhan perundangan secara menyeluruh. Hal ini secara langsung menyokong inisiatif berterusan KPKT yang kini sedang rancak melaksanakan proses pendigitalisan serta penambahbaikan proses kerja (*process improvement*) bagi melonjakkan kecekapan ekosistem pembangunan secara total.

11. Akhir kata, kejayaan jangka panjang sektor hartanah kita tidak hanya bergantung kepada penggubalan dasar atau polisi yang mantap di atas kertas, tetapi yang lebih kritikal adalah keberkesanan pelaksanaannya (*effective implementation*) di lapangan, berserta komitmen bersama untuk menyerahkan nilai yang nyata (*tangible value*) kepada masyarakat.

12. KPKT yakin bahawa *Handbook* ini akan menjadi pemudah cara dan naskhah rujukan yang sangat bernilai buat para pemaju, konsultan, agensi-agensi Kerajaan, pengamal industri, dan kumpulan akademik. Sekali lagi, saya mewakili Kementerian merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada REHDA Institute serta seluruh ahli jawatankuasa penyumbang yang telah mencurahkan kepakaran, masa, dan dedikasi tinggi sehingga buku panduan ini berjaya direalisasikan.

13. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan sukacitanya melancarkan "**Property Development Handbook (Second Edition)**" terbitan REHDA Institute.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.